

Ireka peroleh kontrak RM163 juta

KUALA LUMPUR, Jumaat – Ireka Engineering & Construction Sdn Bhd, unit Ireka Corporation Bhd menerima surat penerimaan untuk membina Projek Pan'gaea Solstice di Cyberjaya bagi jumlah kontrak bernilai RM163 juta.

Kerja-kerja kontrak itu, yang diberikan oleh unit OSK Prop-

erty Holdings Bhd, Wawasan Rajawali Sdn Bhd, adalah untuk pembinaan dan penyiapan dua blok pangsapuri berperkhidmatan 39 tingkat dan 35 tingkat.

Syarikat itu berkata, projek tersebut juga akan terdiri daripada parkir, taman di bumbung, kolam renang dan 946 unit

pejabat kecil, pangsapuri berperkhidmatan pejabat di rumah dan kemudahan berkaitan. Kontrak tersebut bermula pada 29 Mac dan dijangka siap dalam masa 28 bulan daripada tarikh permulaan, kata Ireka dalam satu kenyataan.

Ia berkata, kontrak ini menjadikan nilai perolehan kontrak

semasa Ireka berjumlah kira-kira RM860 juta di mana RM640 juta masih tertunggak.

Projek tersebut dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan Ireka Group bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac, 2014 dan seterusnya, kata syarikat itu.-Bernama